

**KAJIAN TENTANG PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP KERIS SEBAGAI JATI
DIRI BANGSA MELAYU**

SITI NADHIRAH BINTI MOHD ZULKEPLY

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2021

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN TENTANG PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP KERIS SEBAGAI
JATIDIRI BANGSA MELAYU**

**DISEDIAKAN OLEH :
SITI NADHIRAH BINTI MOHD ZULKEPLY
NO. MATRIK: C18A0402**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

FTKW

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:

Tandatangan

TARIKH :

Tandatangan Penyelia

NAMA :

TARIKH :

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada ALLAH SWT kerana telah mengurniakan kesihatan dan petunjuk kepada saya untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Syukur Alhamdulillah dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tugas bagi Projek Penyelidikan 1 CFT3124. Kajian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna atas bantuan pelbagai pihak. Tanpa bantuan dari mereka semua, maka tidak terhasilah kajian ini

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah saya iaitu Dr. Shahariah Norain Binti Shahrudin dan Puan Farrah Atikah Binti Saari, sebagai penyelia saya yang banyak memberi bimbingan dalam menyiapkan tugas ini. Beliau banyak memberi penerangan tentang cara melakukan kajian ini. Walaupun beliau sibuk, tetapi beliau tetap ada masa untuk bersama saya serta rakan-rakan dalam memberi penerangan tentang kajian ini, Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelaras bagi kursus ini iaitu Puan Nur Athmar Binti Hashim, kerana beliau telah memberikan penerangan mengenai kursus ini semasa awal semester.

Seterusnya, tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Puan Rosmina binti Awang Othman dan Encik Mohd Zulkeply bin Arshad, kerana banyak memberi sokongan moral dan kewangan kepada saya semasa menyiapkan kajian ini. Melalui sokongan mereka saya memperolehi sumber kekuatan. Terima kasih tidak terhingga juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu semasa menyiapkan kajian, sama ada dari segi moral atau fizikal. Melalui pertolongan mereka semua pelbagai masalah semasa menyiapkan tugas ini dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

Akhir sekali, saya berharap melalui kajian ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi pembelajaran saya pada masa hadapan dengan pengetahuan yang diperolehi melalui kajian ini.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI GAMBAR	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Kesimpulan	
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	8
2.1 Definisi Istilah	8
2.1.1 Definisi Masyarakat	9
2.1.2 Definisi Keris	9
2.1.3 Definisi Jatidiri	10

2.1.4 Definisi Bangsa	11
2.1.5 Definisi Melayu	11
2.2 Sejarah	12
2.2.1 Sejarah Keris	12
2.2.2 Sejarah Tukang Empu	12
2.3 Fungsi Keris	13
2.4 Rupabentuk Keris	13
2.5 Kerangka Teori	15
2.5.1 Teori Ikonografi	15
2.6 Kesimpulan	16
BAB 3 METODOLOGI	
3.0 Pengenalan	17
3.1 Rekabentuk Kajian	17
3.2 Pengumpulan Data	18
3.2.1 Data sekunder	20
3.3 Persempelan	21
3.4 Instrumen	22
3.5 Analisis Data	23
3.6 Kesimpulan	23

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 24

4.2 Analisis Demografi 24

4.3 Fungsi keris terhadap masyarakat melayu zaman dahulu 29

4.4 Kajian terhadap keris sebagai lambang jati diri bangsa melayu 30

4.5 Penerimaan masyarakat kini terhadap seni pembuatan keris 31

4.6Kesimpulan 33

BAB 5 DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan 34

5.2 Perbincangan 34

5.3 Kepentingan keris terhadap masyarakat kini 37

5.4 Cadangan 37

5.5 Kesimpulan 39

RUJUKAN 40

LAMPIRAN 41



SENARAI GAMBAR

SENARAI GAMBAR

MUKA SURAT

Rajah 1.1: Keris Lengkap	2
Rajah 2.1: Hulu	15
Rajah 2.2: Pendokok	15
Rajah 2.3: Sampir	15
Rajah 2.4: Buntut	15
Rajah 4.1: Peratusan responden mengikut umur	26
Rajah 4.2: Peratusan responden mengikut status	28
Rajah 4.3: Keris bersalut emas	31
Rajah 4.4: Pak Mazin, salah seorang tukang buat keris di Malaysia	32

Kajian Tentang Penerimaan Masyarakat Terhadap Keris Sebagai Jati Diri Bangsa

Melayu

ABSTRAK

Di dalam kajian ini, tajuk yang dipilih adalah kajian tentang penerimaan masyarakat terhadap keris sebagai lambang jati diri bangsa Melayu. Fokus utama kajian ini adalah terhadap masyarakat berbangsa Melayu. Keris merupakan salah satu daripada senjata tradisional yang terdapat di Malaysia dan ia telah wujud sekitar penghujung abad ke 15 dan awal abad ke 16. Seterusnya, permasalahan yang dikaji dalam kajian ini adalah mengenai masyarakat masa kini yang semakin kurang berminat dengan terhadap keris, kekurangan tukang ukir hulu dan sarung, tukang empu, serta pelapis seterusnya, dan peranan keris dalam masyarakat moden. Di samping itu, melalui kajian ini juga telah wujud beberapa persoalan untuk dikaji berkaitan dengan tajuk ini, iaitu apakah fungsi keris terhadap masyarakat Melayu zaman dahulu, bagaimanakah keris pada hari ini berfungsi sebagai lambang jati diri terhadap masyarakat Melayu pada zaman sekarang dan bagaimanakah penerimaan masyarakat Melayu zaman sekarang terhadap seni pembuatan keris. Manakala kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Pegumpulan data dilakukan menggunakan kaedah data premier iaitu sesi temubual dan data sekunder melalui artikel, perpustakaan dan bahan ilmiah. Akhir sekali, saya mengharapkan hasil daripada kajian akan jadi panduan dan ilmiah yang berguna serta dipakai oleh semua golongan.

Kata Kunci : Penerimaan masyarakat, Keris, Jati Diri, Bangsa Melayu, Senjata tradisional, Kualitatif,

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

The title of this study is, the study of public acceptance of the keris as a symbol of identity of the Malay race. The main focus of this study is on Malay community. As we know, keris is one of the traditional weapons available in Malaysia and it existed around the end of the 15th century and the beginning of the 16th century. Then, the problem in this case study, are about the current society which is have a less interested in the keris, the lack of keris carvers, master and the next upholstery, then the role of keris in this modern society. In addition, through this study, also existed a few issues to be study connection with this topic. The issues is about, what function of keris to the old ancient Malay community, how keris today serves as a symbol of identity of the Malay community in the present and how the community reception today to the art of making keris. Meanwhile, the research methods used in this study are qualitative and quantitative methods. Data collection was done using the primary data method which is, interview sessions and secondary data through articles, libraries and scientific material. Finally, I hope that the results of the study will be a useful and scientific guide and used by all.

Key Words: Public Acceptance, Keris, Identity, Malay Race, Traditional Weapons, Qualitative.



Bab 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam bab ini akan menjelaskan mengenai latar belakang, objektif, permasalahan, persoalan dan skop kajian yang akan dijalankan dalam penyelidikan ini. Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat mengenalpasti permasalahan yang berlaku terhadap keris serta dapat menentukan objektif kajian ini dijalankan. Selain itu, bab ini juga adalah untuk memastikan kajian yang dilakukan tidak keluar dari tajuk asal dan memudahkan pencarian maklumat.

1.1 Latar Belakang Kajian

Keris adalah satu warisan bangsa. Ianya harus dikenang sebagai lambang ketamadunan bangsa Melayu agar menjadi bukti bahawa ilmu sains dan teknologi orang Melayu sudah mendahului zaman. Selain itu keris juga adalah warisan khas kebudayaan Nusantara dan juga Melayu. Oleh kerana itu, keris lazim dipakai orang di Riau, Bugis, Jawa dan Bali sebagai pelengkap busana mereka (Al-Mudra 2004). Seiring berjalannya waktu, budaya keris kemudian menyebar ke kawasan lain di Asia Tenggara, terutamanya yang mempunyai asas kebudayaan Melayu, seperti Malaysia, Brunei, Filipina Selatan, Singapura dan Thailand Selatan (Wooley 1998).

Besi yang digunakan sebagai bahan untuk membentuk keris terdiri daripada 17 hingga 60 jenis besi. (M. T. Arifin). Fungsi utama keris ini adalah sebagai senjata untuk mempertahankan diri bagi masyarakat melayu suatu ketika dahulu. Pada zaman dahulu, iaitu semasa zaman penjajahan British, keris dijadikan sebagai senjata peribadi sehingga pihak British melarang pemakaiannya dan kini keris hanya tinggal sebagai salah satu alatan pemakaian tradisi.

Namun bergitu, keris ini merupakan artifak yang menjadi salah satu simbol kepada jatidiri bangsa melayu sejak dari dahulu lagi seperti simbol kebesaran raja-raja dan masih dipakai sehingga kini oleh sultan juga Yang Di Pertuan Agong. Bukan itu sahaja, keris juga menjadi lambang budaya, tradisi dan status darjat dalam masyarakat. Ia menjadi penguat semangat bagi orang-orang Melayu. (Norhaiza Noordin,2019)



Rajah 1.1: Keris Lengkap

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian di dalam penyelidikan ini adalah:

a. Masyarakat masa kini yang kurang berminat dengan keris.

Seperti yang diketahui, keris menjadi lambang kemegahan orang Melayu, namun disebabkan berlaku salah faham yang mengaitkan unsur mistik dengan keris tersebut, menyebabkan golongan muda kurang berminat terhadap keris ini. (Nor 'Asyikin Mat Hayin, Harian Metro 2018). Tambahan pula, teknologi moden sudah semakin berkembang dan minat mereka lebih kepada alat pertahanan yang lebih moden seperti pistol, senapang, pistol renjat dan sebagainya.

b. Kekurangan tukang ukir hulu dan sarung, tukang empu serta pelapis seterusnya.

Kekurangan tukang ukir juga merupakan salah satu daripada masalah utama dalam kajian mengenai keris ini. Kerana kerja begini ia bergantung kepada minat seseorang. Jika tiada yang berminat untuk belajar atau mahu meneruskan legasi sesebuah keluarga, maka perlahan-lahan ilmu tersebut akan hilang (Erda Khursyiah Basir, Utusan Borneo 2018) Selain itu, pada ukiran itu juga terdapat nilai dan maksud-maksud yang tertentu dibaliknya.

a. Peranan keris dalam masyarakat moden.

Berbanding masyarakat Melayu zaman dahulu, mereka menganggap keris begitu penting dalam kehidupan mereka seperti simbol *Tuah dan Marwah* kerana setiap keris yang baik mengandungi nilai-nilai, kekuatan atau keutamaan tertentu yang dapat menjadi kekuatan batiniah dan lahiriah yang hakikatnya menjadi lambang tuah dan maruah. (Tenas Effendy 2008) Sedangkan masyarakat moden ada yang menganggap keris sebagai senjata lama serta artifak semata-mata dan kebanyakan mereka menjadikan keris sebahagian daripada hobi, sekadar untuk simpan atas dasar hobi. (Erda Khursyiah Basir, Utusan Borneo 2018)

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibangkitkan adalah untuk mendapatkan maklum balas dari masyarakat Melayu mengenai penerimaan mereka terhadap keris sebagai jatidiri bangsa Melayu dan untuk mencapai objektif kajian di dalam penyelidikan ini.

- a. Apakah fungsi keris terhadap masyarakat Melayu pada zaman dahulu?
- b. Bagaimanakah keris pada hari ini, berfungsi sebagai lambang jatidiri terhadap masyarakat melayu pada zaman sekarang?
- c. Bagaimanakah penerimaan masyarakat Melayu zaman sekarang terhadap seni pembuatan keris?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- a. Untuk mengenalpasti fungsi-fungsi keris terhadap masyarakat Melayu pada zaman dahulu.
- b. Untuk mengkaji keris sebagai lambang jati diri bangsa Melayu terhadap masyarakat Melayu pada masa kini.
- c. Untuk mengkaji penerimaan masyarakat Melayu pada masa kini terhadap seni pembuatan keris.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan mengkaji mengenai penerimaan masyarakat Melayu terhadap keris sebagai jati diri bangsa Melayu dan juga menfokuskan bagaimana penerimaan masyarakat Melayu pada masa kini terhadap seni pembuatan keris yang semakin kekurangan tukang ukirnya. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan mengkaji mengenai golongan muda yang kurang berminat terhadap keris dan sebab kenapa mereka kurang berminat. Selain itu kajian ini juga hanya ditujukan kepada masyarakat Melayu sahaja dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Seterusnya, untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kajian terdahulu sebagai rujukan untuk mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian dalam penyelidikan ini adalah untuk melihat sejauh mana keris boleh memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan negara. Melalui kajian ini juga pengkaji berharap supaya ilmu yang terdapat dalam kajian ini dapat digunakan dengan sebaiknya. Berikut adalah kumpulan fokus di dalam kajian ini:

a. Individu

Kajian ini memberi kepentingan kepada individu kerana untuk dijadikan sebagai bahan rujukan di kemudian hari serta dapat menambah ilmu pengetahuan individu mengenai keris seperti seni pembuatan keris, maksud di sebalik ukiran-ukiran yang terdapat pada keris, fungsi keris terhadap masyarakat zaman dahulu dan sebagainya.

b. Masyarakat

Seterusnya, kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah dapat menyedarkan masyarakat masa kini bahawa keris bukan hanya semata-mata barang tinggalan sejarah, namun ia memberi makna yang besar terhadap masyarakat Melayu pada zaman dahulu dan juga kini. Selain itu, ia juga untuk memberi kesedaran kepada golongan muda yang kebanyakannya kurang berminat terhadap keris.

c. Negara

Akhir sekali kepentingan kajian ini terhadap negara adalah kerana keris merupakan salah satu daripada warisan negara dan akan dapat meningkatkan ekonomi negara dari segi pelancongan. Ianya disebabkan ramai pelancong dari luar negara yang berminat dengan keris ini dan mereka sanggup membelinya untuk dijadikan tanda kenangan walaupun harganya mahal.

1.7 Kesimpulan

Kesimpulanya, kajian ini adalah bertujuan mendapatkan maklum balas dari masyarakat Melayu mengenai keris sebagai lambang jati diri bangsa Melayu dan memberi tahu kepada masyarakat bagaimana keris berfungsi pada zaman dahulu. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji mengapa tukang empu keris semakin berkurangan. Seterusnya, bab ini diteruskan dengan penerangan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

Bab 2

Sorotan Kajian

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini akan membahaskan mengenai sorotan kajian iaitu sumber-sumber maklumat yang diperolehi semasa menjalankan kajian ini seperti ulasan kajian lepas melalui penulisan ilmiah serta bahan rujukan seperti jurnal, buku, surat khabar, video, majalah dan laporan yang berkaitan dengan kajian ini iaitu keris. Melalui sorotan kajian ini juga pengkaji akan membuat ulasan dari kajian lepas melalui teori-teori yang ada dan akan memasukkan serta mengaplikasikan ke dalam kajian yang sedang dilakukan. Manakala kebanyakan bahan bacaan dan rujukan diperolehi dari kajian lepas yang berbentuk penulisan dari pengkaji terdahulu.

2.1 Definasi Istilah

Definasi istilah adalah penjelasan sesuatu istilah untuk memberi kefahaman kepada pembaca. Ini kerana setiap orang mempunyai pandangan dan takrifan yang berbeza terhadap sesuatu istilah itu, maka melalui definisi istilah ini pengkaji ingin menyampaikan sesuatu maksud dari kajian yang dilakukan

2.1.1 Definisi Masyarakat

Masyarakat merupakan kumpulan manusia yang hidup bersama di kawasan yang mempunyai peraturan tertentu. Selain itu, menurut istilah juga, masyarakat adalah jalinan perhubungan antara individu yang merujuk kepada pergaulan hidup dan keseluruhan masyarakat. Menurut Karl Marx, masyarakat adalah suatu struktur yang menderita suatu ketegangan organisasi atau perkembangan akibat adanya pertentangan antara kelompok-kelompok yang terbahagi secara ekonomi.

Manakala menurut J.L Gillin dan J.P Gillin pula, menyatakan bahawa masyarakat adalah kelompok manusia yang besar dan mempunyai kebiasaan, tradisi, sikap dan perasaan persatuan yang sama. Selain itu, masyarakat juga mempunyai ciri-cirinya iaitu berkelompok, berbudaya, mengalami perubahan, berinteraksi, mempunyai kepimpinan, dan mempunyai aturan sosial. Masyarakat di Malaysia terdiri daripada masyarakat 'multiracial' dan 'multiculture' yang menjadi sebab untuk mewujudkan masyarakat yang lebih berbudaya, berilmu, dan bermoral.

2.1.2 Definisi Keris

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, keris adalah sejenis senjata bermata dua yang tajam. Terdapat dua jenis bilah iaitu lurus atau berlekok di mana ia merupakan salah satu simbol kekuatan menurut kepercayaan masyarakat melayu tradisional. Selain itu, keris juga merupakan senjata tikaman yang berada di dalam golongan belati dimana ia mempunyai bentuk berhujung runcing dan tajam pada kedua bilah sisinya dengan pelbagai fungsi, yang mana keris ini telah dikenali di kawasan Nusantara barat dan tengah.

Keris lengkap ada beberapa bahagian iaitu, mata bilah (dijadikan senjata), hulu, pendokok, dan sarung yang terdiri dari beberapa bahagian iaitu sampir, batang, buntut. (Norhaiza Noordin, 2019) Ketiadaan salah satu daripada bahagian tersebut tidak layak dipanggil sebagai sebuah keris.

2.1.3 Definisi Jatidiri

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Jati diri ialah sifat atau ciri-ciri yang mempunyai keunikan dan keistimewaan dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Ia turut menjadi teras dan lambang kepada keperibadian seseorang individu, bangsa dan negara, yang mana ia dikenali sebagai identiti. Seperti yang diketahui umum, pembinaan negara Malaysia lebih berteraskan kepada kekuatan bangsa dan semangat patriotik yang tinggi berdasarkan program-program kebudayaan yang dianjurkan oleh pihak tertentu seperti pusat kebudayaan. Hal ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya membentuk sahsiah dan semangat belia pada masa kini. Oleh hal demikian, jati diri menjadi salah satu kepada pengikat jiwa, penggerak semangat dan penguat suasana di mana setiap masyarakat perlu memahami dan menghayati setiap maksud yang ada disebalik jati diri tersebut.

2.1.4 Definisi Bangsa

Seterusnya, definisi bagi perkataan bangsa di dalam Kamus Dewan dan Pustaka edisi keempat telah menyatakan lima definisi. Namun begitu, hanya dua definisi sahaja yang selalu digunapakai secara umum. Oleh hal demikian, bagi definifi pertama untuk perkataan bangsa adalah ia lebih merujuk kepada asal keturunan dan perkataan ini juga mempunyai istilah yang sama dengan perkataan kaum dan etnik. Manakala bagi definisi yang kedua pula, ia lebih menunjukkan kepada sekumpulan manusia di dalam satu rumpun.

Hal ini dapat dilihat pada hubungan diplomatik yang dijalinan diantara negara Malaysia dan negara Indonesia. Selain itu, perkataan bangsa juga turut di dapati di dalam Bahasa Inggeris iaitu 'nation'. Perkataan ini juga boleh ditemui pada perkataan 'national' yang membawa maksud kebangsaan, 'international' iaitu antarabangsa, dan 'United Nations' merujuk kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh yang demikian, 'nation' atau bangsa ini menjadi salah satu asas yang sangat penting dalam membina struktur negara yang moden berdasarkan konsep negara bangsa.

2.1.5 Definisi Melayu

Melayu adalah nama bagi satu bangsa dan Bahasa yang wujud terutamanya di Semenanjung Malaysia. Namun begitu menurut United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), mereka telah mendefinisikan perkataan Melayu tersebut merujuk kepada suku bangsa Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia, Indonesia, Thailand, Madagascar dan Filipina.

Manakala menurut Alias (1998), definisi Melayu diambil daripada perkataan bahasa Sanskrit iaitu Malaya. Terdapat kemungkinan bahawa perkataan Melayu ini diambil dari perkataan Tamil iaitu Malai yang bermaksud tanah tinggi atau bukit. Menurut Profesor Slametmuljana, perkataan Melayu berasal daripada bahasa Sanskrit yang telah berkembang di dua lokasi yang berlainan. Selain itu juga, mengikut Perlembagaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu di Bahagian 140 menyatakan, orang Melayu merupakan bangsa yang mempraktikkan agama Islam, adat-istiadat Melayu yang wujud, bertutur dalam Bahasa Melayu, dan menyanjung tinggi budaya Melayu.

2.2 Sejarah

Sejarah adalah asal usul dan peristiwa lampau mengenai sesebuah perkara. Definisi bagi perkataan sejarah dikatakan berasal daripada Bahasa Arab iaitu "syajarah" yang bermaksud pokok atau pohon. Hal ini jelas menunjukkan konsep sejarah mempunyai hubung kait dengan salasilah keluarga yang menyerupai bentuk fizikal akar pokok. Definisi ini telah disamakan dengan definisi bahasa Inggeris iaitu "history" yang mana ia diambil daripada bahasa Greek iaitu historia yang membawa erti "sebuah kisah mengenai seseorang,". Hal ini jelas menunjukkan bahawa perkataan tersebut berkongsi dengan perkataan Inggeris iaitu 'story'.

2.2.1 Sejarah keris

Keris pada suatu masa dahulu merupakan sebuah senjata pendek yang terkenal dan mempunyai kekuatan tertentu. Dalam sejarah telah dinyatakan bahawa keris Melayu berasal dari Tanah Jawa sejak dari zaman kegemilangan Majapahit. Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapat ahli yang mahir dalam pembuatan keris dari Jawa yang telah datang ke daerah Pattani, Selatan Thailand yang pada waktu itu merupakan sebahagian wilayah kerajaan Melayu sekitar penghujung abad ke 15 dan awal abad ke 16.

2.2.2 Sejarah Tukang Empu.


Tukang buat keris dikenali sebagai sang Empu yang telah datang dari Jawa yang kemudiannya dikenali sebagai Empu Pandai Sarah atau Pande Sarah. Ekoran daripada itu beliau telah mengembangkan bentuk keris yang dibawanya dari Jawa yang kini dikenali sebagai keris Melayu. sehingga ke hari ini, nama Keris Pandai Sarah masih kekal dan masih dikenali di Semenanjung Malaysia

2.3 Fungsi Keris


Keistimewaan keris dapat dilihat dari sudut fungsi dan peranannya yang telah dikategorikan kepada dua bahagian, iaitu pada bentuk fizikal keris dan dari segi penggunaannya. Di samping itu juga, fungsi sesebuah keris ini boleh berubah mengikut keadaan seperti simbol kekuasaan, alat mempertahankan diri, pelengkap busana, perantaraan dalam amalan dan kepercayaan, penguat semangat, alat perubatan, dan sebagai cenderamata.

2.4 Rupabentuk Keris


Rupabentuk keris berbeza mengikut tempat, asal keris serta pemilik tersebut. Ini kerana ia akan melambangkan tempat dan seseorang itu. Bahagian keris boleh dibahagikan kepada empat iaitu hulu, pendokok, sampir serta buntut dan setiap bahagiannya mempunyai bentuk yang berlainan. Corak yang terdapat pada hulu menunjukkan darjat dan status pemakai. Bagi bahagian pendokok pula ia berfungsi sebagai corak padapan penutup. Seterusnya pada bahagian sampir pula, bentuknya perlu bersesuaian dengan hulu, dan bahagian buntut kedudukan adalah di hujung keris dan hanya keris melayu yang mempunyai buntut.




Rajah 2.1: Hulu



Rajah 2.2: Pendokok



Rajah 2.3: Sampir



Rajah 2.4: Buntut

2.5 Kerangka Teori

Kerangka teori merupakan struktur yang menyokong sebuah perjalanan kajian yang dijalankan. Selain itu, teori juga akan menguatkan dan menjelaskan lagi maklumat yang digunakan di dalam kajian. Menurut Connaqway dan Powell (2010), teori adalah untuk menerangkan berkaitan dengan aspek kehidupan tertentu yang berkaitan dengan logik pemikiran yang menjawab sesuatu yang berlaku mempunyai penjelasan yang komprehensif.

2.5.1 Teori Ikonografi

Teori ikonografi merupakan antara teori yang popular dan umum yang sering digunakan oleh penyelidik yang membuat kajian terhadap seni warisan dan kraftangan. Teori ini merupakan cabang dari sejarah seni dan diperkenalkan oleh Aby Warburg dan Erwin Panofsky. Di dalam teori ini, pada peringkat ketiga iaitu peringkat ikonologi yang membawa maksud, sesuatu secara jelas iaitu tersurat dan sesuatu secara tidak langsung iaitu tersirat. Menekankan mengenai pengamatan dan interpretasi berdasarkan latarbelakang seni seperti keris, di mana setiap ukiran yang diukir pada hulu, serta perbezaan setiap rupa bentuk keris mempunyai maksud-maksud yang tertentu dan sama ada ia secara tersurat atau tersirat.

Antara penulisan ilmiah yang turut menggunakan teori ikonografi ini, antaranya ialah Farit Azamuddin (2018) dan Nelson Dino (2018). Teori ini mereka gunakan untuk penulisan Ijazah Sarjana Sastera untuk membuat analisa terhadap senjata tradisional suku kaum di Sabah. Mereka menganalisis reka corak motif pada parang Bajau Sama di Kota Belud dan keunikan reka bentuk parang Burung oleh masyarakat Suluk di Sabah.

2.6 Kesimpulan

Di dalam bab ini akan menerangkan perkara yang berkaitan istilah-istilah tertentu serta penggunaan teori di dalam kajian ini. Ini kerana tidak semua orang memahami istilah-istilah ini pada satu maksud. Di dalam bab ini juga menceritakan mengenai sejarah yang berkaitan dengan kajian ini seperti sejarah keris, sejarah pembuatan keris, dan juga sejarah mengenai tukang empu keris. Seterusnya, bab ini turut mengemukakan teori yang digunakan dalam menjalankan kajian.

Bab 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai kaedah metodologi, iaitu kaedah seperti mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang boleh membantu sesuatu kajian yang dijalankan. Tujuan penggunaan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih baik mengenai kajian yang dijalankan. Secara umumnya, bahagian metodologi ini merangkumi aspek deskripsi subjek, alat ukur, reka bentuk, dan prosedur. L. R. Gay (1996)

Metodologi bermaksud cara dan prosedur untuk mendapatkan maklumat serta data bagi menjawab persoalan kajian termasuk menguji 'Hipotesis' (Azizi Yahya, 2007). Terdapat beberapa bahagian di dalam metodologi antaranya, rekebentuk kajian, pengumpulan data, perampelan, instrument penyelidikan dan analisis data. Metodologi ini perlu dijalankan untuk memperolehi maklumat yang tepat dan menjawab kajian pengkaji.

3.1 Rekebentuk Kajian

Rekebentuk kajian merupakan siasatan dalam bentuk kualitatif, kuantitatif dan pendekatan kaedah campuran yang secara khusus untuk prosedur di dalam rekebentuk penyelidikan (John W. Creswell, 2014). Ini bermakna terdapat tiga jenis kaedah kajian yang boleh digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian mengikut kesesuaian iaitu kualitatif, kuantitatif, dan pendekatan kaedah campuran.

Rekabentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah mengumpul, menganalisis maklumat dari pengumpulan data kualitatif untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kajian. Selain mendapatkan maklumat untuk melengkapkan kajian yang dijalankan, rekabentuk kajian juga berperanan sebagai panduan penyelidikan bagi mengelakkan berlakunya punca yang boleh menjejaskan dapatan kajian.

3.2 Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan satu cara untuk mendapatkan data dari kawasan lapangan untuk menjawab permasalahan. Melalui pengumpulan data juga akan terkumpul data melalui kaedah kuantitatif yang digunakan. Kaedah kuantitatif ialah satu kaedah pengumpulan data penyelidikan yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkel, 2007).

Melalui kaedah ini pengkaji akan menjalankan tinjauan untuk mengumpul maklumat dengan membuat set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji, iaitu dalam kajian ini pengkaji memilih masyarakat Melayu di kawasan tempat tinggal pengkaji serta para pelajar. Selain itu, pengkaji menggunakan penyelidikan tinjauan adalah untuk memperolehi pandangan dari satu kelompok yang ramai. Di dalam pengumpulan data juga merangkumi dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder.

a. Pemerhatian

Pemerhatian adalah satu kaedah yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah di dalam penyelidikan. Menurut Malek Muhamat Said (2007), pemerhatian mesti dibuat secara saintifik, iaitu tepat, sistematik dan objektif. Ia juga merupakan sebagai alternatif lain bagi mengumpul maklumat selain daripada soal selidik dan temubual. Dengan pemerhatian penyelidik boleh mengamati sesuatu tingkah laku objek berdasarkan pemboleh ubah yang telah dikenal pasti.

Sebagai contoh pengkaji akan melakukan pemerhati terhadap reaksi yang diberikan oleh responden terhadap kajian yang dijalankan. Sama ada mereka berpengetahuan luas mengenai kajian ini atau sekadar mengetahui yang asas semata-mata. Maklumat yang diperolehi dalam pemerhatian sama ada dijangka atau tidak, akan menjadi bahan rujukan yang penting di dalam penyelidikan.

b. Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan kawasan kajian yang ingin dikaji adalah di Pahang namun ia tidak dispesifikan. Ini kerana fokus utama pengkaji dalam kajian ini adalah terhadap masyarakat Melayu sahaja. Ini bermakna kawasan kajian pengkaji hanya tertumpu di kawasan masyarakat Melayu sahaja dan juga menjadikan kajian dapat dijalankan secara meluas tanpa ada had. Sebab mengapa lokasi ini ditumpukan terhadap masyarakat Melayu sahaja kerana ingin mengetahui sejauh mana masyarakat melayu zaman sekarang tahu apa itu keris berserta fungsi dan kegunaanya.

3.2.1 Data Sekunder

Data sekunder adalah sumber kedua yang sudah dikaji seperti kajian terdahulu, buku, akhbar, internet dan diperolehi secara tidak langsung. Selain itu, data sekunder juga sebagai panduan untuk pengkaji menyokong data-data yang diperolehi daripada responden.

Menurut Husein Umar (2013: 42) data sekunder adalah data primer yang telah diproses lebih lanjut dan disediakan sama ada oleh pengumpul data primer atau oleh pihak lain, misalnya dalam bentuk jadual atau gambar rajah. Manakala menurut Sugiyono (2016: 225) data sekunder adalah sumber data yang tidak secara langsung memberikan data kepada pengumpul data, misalnya melalui orang lain atau melalui dokumen. Sumber data sekunder adalah sumber data pelengkap yang berfungsi untuk melengkapkan data yang diperlukan untuk data primer.

a. Sumber Internet

Dalam kajian ini, lebih dari separuh maklumat yang dikumpul adalah didapati daripada sumber internet. Ini disebabkan pandemik yang melanda, kesukaran untuk keluar dan memasuki ke Perpustakaan Universiti Malaysia menjadi sebab utama maklumat kebanyakannya diperolehi dari sumber internet. Melalui sumber internet juga, maklumat mengenai kajian yang dijalankan juga mudah didapati dan mudah digunakan. Antaranya ialah, untuk pencarian artikel dan jurnal serta kajian-kajian terdahulu.

b. E-Perpustakaan

Selain menggunakan laman web dari sumber internet, pengkaji turut menggunakan e-perpustakaan. Melalui e-perpustakaan pengkaji memperoleh maklumat mengenai definisi-definisi tertentu seperti definisi keris, masyarakat dan banyak lagi.

3.3 Persempelan

Persampelan adalah memilih beberapa orang dari populasi yang terpilih untuk menjadi wakil bagi keseluruhan populasi tersebut untuk membuat tinjauan, soal selidik dan temu bual. Menurut Karsam (2005:78), persempelan merupakan proses melibatkan sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi yang dipilih atau dikaji untuk membantu dalam kajian. Selain itu dalam kajian ini persempelan akan turut dilakukan terhadap kumpulan fokus yang telah pengkaji tetapkan.

a. Populasi

Populasi adalah satu set lengkap semua kumpulan yang boleh terdiri daripada manusia, nombor, komuniti dan banyak lagi. Populasi yang dipilih oleh pengkaji adalah dari kalangan masyarakat Melayu yang berada di kawasan kajian dijalankan.

b. Kumpulan Fokus

Kumpulan fokus pula adalah datangnya daripada populasi di mana, dalam masyarakat Melayu terdapat pelbagai peringkat umur dan persempelan ini akan di fokuskan terhadap lapisan umur yang dikaji oleh pengkaji iaitu warga tua, muda dan remaja. Ini bermakna hanya responden yang terpilih dari kumpulan fokus tersebut yang dikaji.

3.4 Instrumen

Instrumen merupakan peralatan yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Penggunaan instrument yang betul turut akan mempengaruhi dapatan maklumat semasa kajian dijalankan. Tujuan penggunaan instrumen ini adalah untuk menyimpan bukti dan rekod maklumat yang diperolehi semasa kajian dijalankan. antara peralatan yang digunakan ialah, telefon pintar dan catatan

a. Telefon Pintar

Dengan zaman serba canggih kini, di dalam satu peralatan mampu digunakan untuk mengambil gambar, video, dan merakam suara. Dengan menggunakan telefon pintar pengkaji telah mengambil gambar di lapangan untuk dijadikan bukti kajian yang dijalankan. Manakala, pengkaji turut

merakamkan temubual yang dijalankan bersama responden juga menggunakan telefon pintar. Ini kerana untuk mengelakkan kehilangan dan ketinggalan data serta dapat diulangi berulang kali untuk lebih memahami.

b. Buku Catatan

Buku catatan digunakan untuk menulis maklumat yang didapati secara langsung dari responden. Selain itu pengkaji juga mencatat apa yang di dapati melalui pemerhatian semasa temubual, melawat kawasan kajian dan sebagainya.

3.5 Analisis Data

Analisis data terhasil setelah semua maklumat yang diperolehi dan di satukan mengikut kategori, dan tema, sama ada temubual, rakaman suara, dan catatan. Selain itu analisis data ini juga akan menjawab persoalan, permasalahan dan objektif kajian.

3.6 Kesimpulan

Kesimpulanya, melalui metodologi kajian ini, pengumpulan maklumat kajian akan menjadi lebih baik dan maklumat yang dikumpul adalah tepat. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan juga telah menerangkan mengenai pengumpulan data melalui data primer dan juga data sekunder. Selain itu, diharapkan dari pengumpulan maklumat dari kajian ini akan memberi manfaat kepada pengkaji-pengkaji lain yang akan mengkaji perkara yang berkaitan

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dapatan kajian merupakan perkara yang berkaitan dengan keputusan bagi sesuatu kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik. Dalam bab ini akan menerangkan tentang keputusan ujian mengenai latar belakang dan penerimaan masyarakat terhadap keris sebagai lambang jati diri bangsa melayu. Soalan-soalan juga adalah berkisar tiga objektif kajian yang telah dikaji sebelum ini.

4.2 Analisis Demografi

4.2.1 Latar Belakang Responden

Soal selidik ini telah dijalankan terhadap 40 orang responden yang melibatkan masyarakat setempat dan juga para pelajar yang terdiri dari penuntut universiti dan juga pelajar sekolah menengah. Analisis terhadap responden telah diambil berdasarkan latar belakang mereka seperti jantina, bangsa, umur, status perkahwinan dan pekerjaan. Hasil dari kajian ini adalah berdasarkan objektif kajian dan analisis data yang diperolehi dari 40 orang responden.


Jadual 4.1 menunjukkan hasil bilangan responden yang terlibat dengan kajian ini. Jadual menunjukkan bahawa jumlah wanita adalah melebihi daripada jumlah lelaki iaitu sebanyak 62.5% bersamaan dengan 25 orang wanita, manakala jumlah lelaki pula adalah sebanyak 37.5 iaitu bersamaan dengan 15 orang lelaki. Dan kesemua sekali adalah bersamaan dengan 40 orang iaitu 100%.

Jadual 4.1 : Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kategori Jantina

Kategori Jantina	Bilangan	Peratusan(%)
Lelaki	15	37.5
Perempuan	25	62.5
Jumlah	40	100

Seterusnya, dalam kajian ini juga melibatkan empat kategori umur iaitu, yang pertama adalah 19 hingga 30, yang kedua pula ialah 31 hingga 40, yang ketiga pula 41 hingga 50 dan yang keempat ialah 51 ke atas. Majoriti responden berada pada kategori umur 19 hingga 30 iaitu 60% bersamaan dengan 24 orang. Manakala kategori yang kedua, 31 hingga 40 adalah sebanyak 30% bersamaan dengan 12 orang. Dan dua katogari lain iaitu 41 hingga 50 dan 50 tahun ke atas masing-masing mewakili 5% bersamaan dengan 2 orang. Kesemuanya bersamaan dengan 40 orang iaitu 100%. Hasil ini boleh dilihat pada rajah 4.1.

Rajah 4.1: Peratusan Responden Mengikut Kategori Umur




Selain itu, kajian turut melihat kepada pekerjaan responden dan jenis pekerjaan terdiri daripada, pelajar, kakitangan kerajaan, bekerja sendiri dan tidak bekerja. Tidak bekerja juga memerangkap kepada para suri rumah. Pekerjaan yang mendominasi para responden adalah terdiri daripada golongan pelajar, iaitu 50% bersamaan dengan 20 orang. Walaupun kajian ini bertuju kepada masyarakat, tidak bermaksud para pelajar tidak boleh diambil kira kerana para pelajar juga adalah sebahagian daripada golongan masyarakat. Seterusnya adalah terdiri daripada golongan kakitangan kerajaan iaitu sebanyak 30% bersamaan dengan 12 orang. Pengetahuan golongan kerajaan dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan juga banyak membantu dalam mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kajian yang sedang dijalankan. Manakala dua jenis pekerjaan lagi iaitu bekerja sendiri dan tidak berkerja masing-masing mendapat 10% iaitu bersamaan dengan 4 orang sahaja. Maklumat yang didapati dari mereka yang bekerja sendiri dan tidak bekerja juga sangat baik. Ini bermakna, semua responden yang menjawab boring soal selidik ini mempunyai pengetahuan yang baik mengenai keris dan juga penggunaanya. Hasilnya boleh dilihat pada jadual 4.2.

Jadual 4.2 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Pelajar	20	50
Kerajaan	12	30
Bekerja Sendiri	4	10
Tidak Bekerja	4	10
Jumlah	40	100

Seterusnya, pengkaji juga turut mendapatkan maklumat responden dari segi status mereka iaitu sama ada bujang atau sudah berkahwin. Hasil dari soal selidik tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah berstatus bujang dan melibihi daripada jumlah responden yang sudah berkahwin, iaitu sebanyak 67.5% bersamaan dengan 27 orang manakala yang sudah berkahwin adalah 32.5% bersamaan dengan 13 orang. Jumlah yang berstatus bujang lebih ramai adalah kerana separuh dari responden yang menjawab soal selidik ini adalah datangnya golongan pelajar. Selain itu golongan kerajaan kerajaan juga ada masih belum berkahwin. Dalam rajah 4.2 menunjukkan perbezaan yang ketara antara kedua status

Rajah 4.2 :Peratusan Responden Mengikut Status



Dalam kajian ini juga pengkaji turut mengambil maklumat mengenai bangsa yang mengambil bahagian di dalam soal selidik ini. Terdapat tiga bangsa yang dinyatakan iaitu Melayu, Cina dan India. Tiga bangsa ini adalah bangsa utama yang terdapat di Malaysia. Bangsa Melayu mendominasi keseluruhan soal selidik yang dijalankan iaitu 100% bersamaan dengan 40 orang dan manakala dua lagi bangsa iaitu Cina dan India masing-masing mendapat 0%. Ini menunjukkan tiada responden dari dua bangsa tersebut yang mengambil bahagian di dalam soal selidik ini. Walaupun lingkungan soal selidik dijalankan adalah berbilang bangsa namun tiada dari mereka yang mengambil bahagian di dalam soal selidik ini, sama ada agihan pautan borang soal selidik yang tidak sampai kepada mereka atau soalan-soalan yang terlalu susah untuk mereka jawab.

Jadual 4.3 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	40	100
Cina	0	0
India	0	0
Jumlah	40	100

4.3 Fungsi Keris Terhadap Masyarakat Melayu Pada Zaman Dahulu

Fungsi keris pada zaman dahulu adalah sebagai alat mempertahankan diri. Ianya dibuat tidak terlalu pendek dan tidak terlalu panjang serta pelik untuk dijadikan senjata jika dibandingkan dengan persenjataan Melayu yang lainnya seperti pedang. Oleh itu pengkaji telah mengambil dari sudut pandangan responden mengenai fungsi keris pada zaman dahulu. Hasil dari soal selidik tersebut, pengkaji telah menerima pelbagai jawapan dari responden. Kebanyakan responden mengatakan bahawa keris merupakan peralatan zaman dahulu, warisan negara yang perlu dipelihara dan ada juga yang mengatakan mereka tidak tahu. Mereka juga ada mengatakan keris adalah alat mempertahankan diri untuk golongan tertingi pada zaman dahulu.

Ini menunjukkan bahawa tidak semua masyarakat pada masa kini begitu arif mengenai keris ini dan disebabkan itu jugalah kajian ini dijalankan agar masyarakat pada masa kini dapat mengetahui lebih banyak maklumat mengenai keris ini sama ada Melayu, Cina, India dan pelbagai lagi kaum yang ada di Malaysia.

Selain itu dalam kajian ini juga menyatakan bahawa keistimewaan keris dapat dilihat dari sudut fungsi dan peranannya yang telah dikategorikan kepada dua bahagian, iaitu pada bentuk fizikal keris dan dari segi penggunaannya. Di samping itu juga, fungsi sesebuah keris ini boleh berubah mengikut keadaan seperti simbol kekuasaan, alat mempertahankan diri, pelengkap busana, perantaraan dalam amalan dan kepercayaan, penguat semangat, alat perubatan, dan sebagai cenderamata

4.4 Kajian Terhadap Keris Sebagai Lambang Jatidiri Bangsa Melayu Kini.

Selain daripada mengkaji mengenai keris dari pandangan masyarakat, pengkaji turut mengumpul maklumat daripada responden mengenai maksud jati diri dari pandangan responden. Antara pandangan responden mengenai jati diri adalah semangat sesuatu bangsa bermaksud boleh dijadikan sebagai kekuatan sesuatu bangsa dan apabila ia keluar atau muncul di mana-mana mereka sudah boleh mengetahui daripada ia berasal serta melambangkan apa yang dibawanya. Selain itu, antara jawapan yang diberikan oleh responden adalah jati diri merupakan identiti yang dibawa oleh seseorang individu yang melambangkan dirinya.

Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Jati diri ialah sifat atau ciri-ciri yang mempunyai keunikan dan keistimewaan dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Ia turut menjadi teras dan lambang kepada keperibadian seseorang individu, bangsa dan negara, yang mana ia dikenali sebagai identiti. Keris mempunyai ciri-ciri khas orang melayu yang dapat dijadikan identiti orang melayu. Selain itu keris mempunyai corak ukiran dan bentuk tertentu yang ada falsafah dan maksud tersirat yang melambangkan sesuatu bangsa. Keris dahulu digunakan sebagai senjata dan kini ianya diletakkan sebagai hiasan. Walau bagaimanapun berdasarkan kajian ini juga pengkaji mendapati tidak semua dari mereka dapat menjawab dan tidak semua dari mereka juga tahu bagaimana keris ini dapat melambangkan jati diri bangsa Melayu.

Ini kerana banyak jawapan yang diterima dari para responden adalah tidak tahu. Oleh itu melalui kajian ini, pengkaji menegaskan bahawa keris ini mempunyai ciri khas yang melambangkan melayu terutamanya pada bentuk, jumlah lok, warnanya, serta ukiran pada sarung dan kepalanya. Rajah 4.3 menunjukkan sejenis keris berwarna emas yang kebiasaanya dipakai oleh para sultan.




Rajah 4.3: Keris bersalut emas. (sumber internet)

4.5 Penerimaan Masyarakat Kini Terhadap Seni Pembuatan Keris.

Tukang buat keris dikenali sebagai sang Empu yang telah datang dari Jawa yang kemudiannya dikenali sebagai Empu Pandai Sarah atau Pande Sarah. Seperti yang diketahui, pada masa kini jumlah tukang buat keris ini sudah semakin berkurangan dan ini adalah disebabkan keris itu sendiri yang tidak lagi digunakan pada masa kini.

Dalam ini juga pengkaji telah mengumpul pendapat para responden terhadap seni pembuatan keris. Kebanyakan dari mereka tahu apa itu seni pembuatan keris seperti seni pembuatan keris adalah daripada proses menempa besi sehingga kepada proses membuat sarung dan hulu keris. Jawapan lain yang diterima oleh pengkaji juga, pembuatan keris adalah membuat sesuatu keris bermula dari hulu, mata dan sarung. Walaupun keris sudah lagi tidak digunakan, namun seni pembuatannya tetap harus diteruskan supaya kewujudan keris ini dapat diteruskan. Selain itu juga ia perlu diteruskan kerana untuk mengekalkan khazanah melayu ini dan ia sangat bernilai jadi ia boleh dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancong.



Rajah 4.4: Pak Mazin, salah seorang tukang buat keris di Malaysia (sumber: internet)

4.6 Kesimpulan

Kesimpulanya, pandangan masyarakat terhadap keris masih lagi tidak berubah iaitu mereka masih merasakan bahawa keris ini penting walaupun sudah tidak digunakan lagi pada masa kini. Ini kerana, keris ini melambangkan warisan Melayu yang ada di Malaysia ini serta kebanggaan kaum Melayu, lebih-lebih lagi sekarang Sultan dan Raja-Raja Melayu masih memakainya ketika menghadiri istiadat rasmi. Selain itu, ada juga keris yang terdapat ukiran tertentu yang telah diukir cantik pada sarungnya dan ukiran ini kebanyakannya adalah bermotifkan flora kerana dalam islam penggunaan motif fauna atau benda hidup adalah dilarang. Di samping itu, di dalam bab ini juga pengkaji dapat mengkaji hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan serta mengetahui pandangan masyarakat terhadap keris. Melalui soal-selidik ini juga pengkaji dapat mengetahui persepsi masyarakat masa kini terhadap keris. Seperti yang diketahui pada masa kini keris tidak lagi digunakan berbanding pada zaman dahulu, namun bagi para pengumpul barangan antik seperti keris mereka sangat menghargai keris malah sanggup merantau untuk mendapatkan jenis keris yang mereka inginkan.

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN.

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan bagi setiap persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji secara ringkas. Selain itu, pengkaji juga akan menyatakan kepentingan kajian ini. Dan yang terakhir adalah beberapa cadangan akan dikemukakan oleh pengkaji yang akan membantu dalam usaha meningkatkan nilai keris dalam masyarakat melayu pada masa kini.

5.2 Perbincangan

Perbincangan ini akan melibatkan dapatan kajian daripada persoalan-persoalan kajian yang telah diutarakan di dalam bab 1. Ini kerana perbincangan ini akan menjawab persoalan dari kajian ini iaitu fungsi keris terhadap masyarakat melayu zaman dahulu, fungsi keris pada hari ini sebagai lambang jati diri kepada masyarakat melayu dan penerimaan masyarakat kini terhadap seni pembuatan keris.

5.2.1 Fungsi keris terhadap masyarakat melayu zaman dahulu

Masyarakat zaman dahulu menggunakan keris tidak kira masa dan banyak fungsinya kepada masyarakat seperti, mempertahankan diri, sebagai lambang darjat, menunjukkan status atau tanda kekuasaan. Keris boleh dikatakan digunakan oleh semua golongan Raja, bangsawan, pahlawan, dan rakyat, penguat semangat dan alat perubatan. Namun dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil kira pandangan masyarakat masa kini terhadap fungsi keris kepada masyarakat dahulu. Mengikut pandangan responden kebanyakan dari mereka menyatakan bahawa keris ini digunakan untuk, melindungi diri dan senjata

mempertahankan diri. Selain itu mereka juga mengatakan bahawa keris ini, banyak digunakan semasa peperangan dan merupakan salah satu daripada peralatan rasmi di dalam istana. Akhir sekali, keris juga dapat melambangkan identiti atau jatidiri seseorang. Dari 40 orang responden, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kebanyakan daripada mereka mengetahui fungsi keris kepada masyarakat zaman dahulu.

Selain itu pengkaji turut mendapatkan pandangan responden mengenai keistimewaan yang terdapat pada keris. Antara pandangan mereka adalah, tinggi nilai warisan dan warisan zaman berzaman. Selain itu, mereka juga mengatakan bahawa keistimewaan keris boleh dilihat dari sudut keseniannya iaitu dari rekabentuknya mempunyai lok yang tertentu, bentuk yang tertentu yang tertentu termasuk ukiran yang terdapat pada sarung keris itu. Perkara yang menjadikan keris ini lebih unik adalah, keris ini mempunyai tiga bahagian iaitu bilah, kepala dan juga sarung.

5.2.2 Fungsi keris pada hari ini sebagai lambang jatidiri kepada masyarakat melayu

Jatidiri ialah ciri-ciri yang mempunyai keunikan dan keistimewaan dari melalui bahasa, budaya, dan agama. Ia turut menjadi tonggak utama dan lambang kepada personaliti seseorang individu, bangsa dan negara. Secara ringkasnya, dari pandangan responden mereka menyatakan bahawa jatidiri ini adalah melambangkan diri seseorang, sifat atau perilaku seseorang, asal usul atau identiti bagi seseorang individu serta wawasan dan matlamat hidup. Jatidiri dapat ditingkatkan melalui keris dengan mendalami seni pembuatan keris, melalui pembelajaran penghasilan keris iaitu hulu, sarung dan bilahnya. Menurut Pak Mazin yang merupakan salah seorang pembuat keris yang ada di Malaysia sesebuah bangsa tidak kira Melayu, Cina atau India memiliki senjata warisan sendiri. Dan keris adalah satu senjata warisan bangsa Melayu sejak dahulu lagi. Keris juga dikatakan simbolik kegagahan orang Melayu sehinggakan apabila memakai baju Melayu tidak lengkap sekiranya tanpa keris.

Selain itu, responden turut menyatakan bahawa jatidiri boleh ditingkatkan dengan adanya keinginan untuk mempelajari seni mempertahankan diri dengan keris melalui guru yang betul. Pada masa kini juga, dengan penjagaan keris yang betul juga boleh meningkatkan jatidiri seseorang melayu itu.

5.2.3 Penerimaan masyarakat kini terhadap seni pembuatan keris.

Menurut beberapa kajian dari luar menyatakan bahawa rekabentuk berbeza mengikut daerah dan negeri, ianya disebabkan persekitaran, kepercayaan serta ilmu seni dari tukang-tukang keris inilah yang menjadikan sebilah keris itu terlihat lebih beridentiti dan mempunyai nilai eksklusif yang tersendiri. Untuk menjawab persoalan ini juga pengkaji telah menyoal para responden adakan mereka tahu mengetahui mengenai seni pembuatan keris. Antara jawapan yang diberikan oleh mereka mengenai seni pembuatan keris ini ialah, keris sudah kurang dihasilkan kerana tidak ramai yang berminat dengan keris pada masa kini serta ilmu pembuatan keris juga tidak diturunkan kepada waris atau mereka yang ingin belajar mengenai keris.

Melalui responden juga pengkaji dapat mengetahui sama ada mereka berminat dengan seni pembuatan keris ini jika diberi peluang suatu hari nanti dan pengkaji mendapati bahawa hampir 70% dari responden ingin mempelajari seni pembuatan keris ini jika diberi peluang. Manakala tanggapan mereka terhadap seni pembuatan keris ini pula adalah baik dan tidak mempunyai prasangka yang buruk jika pembuatan keris ini masih diteruskan sehingga ke masa akan datang.

5.3 Kepentingan Keris Terhadap Masyarakat Kini

Pada masa kini, keris memang tidak lagi digunakan secara meluas, namun ianya masih penting kepada masyarakat terutamanya kaum Melayu. Namun melalui keris, masyarakat juga dapat mengetahui sejarah tertentu yang berkaitan dengan keris tersebut. Di samping itu keris itu sendiri merupakan artifak yang menjadi identiti bangsa Melayu dan lambang budaya, tradisi dan status darjat dalam masyarakat.

Kepentingan lain yang terdapat pada keris ini adalah ia dijadikan sebagai pelengkap diri dan penguat semangat bagi orang Melayu dan ukiran pada hulu dan sarong keris adalah alat perlambangan, perantaraan dan perhubungan dalam masyarakat dan kerajaan Melayu dan ini sangat penting kepada masyarakat masa kini untuk mengenali dari mana asal usul Melayu dan bagaimana Melayu pada suatu ketika dahulu. Pentingnya untuk kita menjaga warisan ini adalah kerana keris kini semakin di telan zaman, jika hal ini berterusan sudah pasti warisan kebanggaan Melayu ini boleh terhapus begitu sahaja tanpa ada yang mengetahui dan tidak diwarisi.

5.4 Cadangan

Cadangan ini adalah hasil daripada perbincangan kajian yang telah dilakukan serta pengkaji akan mengusulkan beberapa cadangan yang dapat dijadikan panduan atau tindakan susulan terhadap kewujudan keris di masa hadapan. Cadangan ini juga boleh menjadi inspirasi kepada mana-mana pihak yang ingin terlibat sama dalam menjaga dan memelihara keris ini sebagai salah satu daripada warisan bangsa Malaysia.

5.4.1 Peranan kerajaan

Peranan kerajaan adalah sangat penting dalam mengajak masyarakat dalam mendalami ilmu mengenai keris. Pelbagai kaedah boleh digunakan untuk menarik minat mereka terhadap keris seperti mengadakan pameran yang berkaitan dengan keris namun tidak hanya berfokus kepada keris semata-mata. Pameran ini turut boleh disertakan dengan pameran pakaian tradisional kerana pakaian tradisional lelaki tidak akan lengkap tanpa adanya keris, bergitu juga dengan pakaian pengatin lelaki kewajipan yang harus ada pada pakaian pengantin lelaki salah satunya adalah keris.

Antara peranan lain kerajaan dalam mengekalkan kewujudan keris ini adalah, pendedahan awal terhadap murid-murid sekolah rendah melalui guru-guru mereka. Selain maklumat di dalam buku teks, guru juga harus mempunyai pengetahuan mengenai keris ini, namun tidak hanya keris termasuk peralatan tradisional lain seperti lembing, tombak, pedang dan banyak lagi. Ini kerana jika mereka hanya mendapat maklumat dari buku kemungkinan mereka mempunyai pemikiran yang salah adalah tinggi dan oleh itu guru harus menerangkan dengan sebaiknya kepada mereka bagaimana ia digunakan, untuk apa ia digunakan dan bila masa ia digunakan, supaya tiada fahaman yang salah dari mereka.

5.4.2 Peranan masyarakat

Seterusnya adalah peranan masyarakat dalam meneruskan kewujudan keris di Malaysia. Masyarakat adalah jalinan perhubungan antara individu yang merujuk kepada pergaulan hidup dan keseluruhan masyarakat. Oleh itu peranan masyarakat sangat penting untuk terus menjaga kewujudan keris ini.

Antara yang boleh dilakukan oleh masyarakat pada masa kini adalah masyarakat boleh bekerjasama dengan mana-mana pihak Non-Government (NGO) dalam melakukan aktiviti yang berkaitan dengan keris dan sebagainya. Selain itu pihak masyarakat juga boleh melakukan aktiviti sukan tradisional dengan kerjasama sekolah-sekolah rendah serta menggunakan peralatan tradisional yang diperbuat daripada bahan tertentu dan tidak berbahaya lalu digunakan di dalam sukan-sukan tertentu dengan cara yang betul supaya kanak-kanak ini tidak akan salah faham akan penggunaan yang sepatutnya.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, di dalam bab ini pengkaji telah meebincangkan mengenai persoalan kajian yang telah dinyatakan pada awal kajian. Perbincangan ini membawa kepada dapatan kajian yang dilakukan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian ini. Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji menyatakan kepentingan keris kepada masyarakat, iatu sebagai salah satu warisan negara dan lambang kepada masyarakat Melayu. Selain itu, pengkaji juga turut mencadangkan beberapa cadangan yang boleh digunakan sebagai tindakan susulan oleh pihak-pihak yang tertentu. Antara candanganya adalah melalui peranan kerajaan dan peranan masyarakat pada hari ini untuk meneruskan kewujudan keris.

RUJUKAN

- Fawazul Khair Ibrahim (2012) karya ilmiah. Tipologi Hulu Keris Tradisi, Universiti Teknologi Malaysia.
- Helmi Effendy (2019). Sejarah dan Falsafah-Falsafah Keris.
<https://www.thepatriots.asia/sejarah-dan-falsafah-falsafah-keris/>
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Abdul Latif Samian (2012). Falsafah Perkerisan Dalam Masyarakat Melayu, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 30(1), 2012: 105 – 119.
- Khairul Haleem, Mohd Raimi, dan Abdul Radhi (2013). Konsep Masyarakat.
<https://www.slideshare.net/SonnyBillHasan/konsep-masyarakat-18115984>
- Mohammad Razin b. Norman (2018). Pitis Timah Kelantan: Satu Kajian Estetik dan Kaedah Pembersihan
- Mahyudin Al-Mudra (2009), Melacak Asal-Usul Keris dan Peranannya dalam Sejarah Nusantara, *Sari* 27 (2009) 27-44
- Norhaiza Noordin, (2019). Seni ukiran Hulu dan Sarung Keris Sebagai Lambang Darjat, *Persidangan Keris Antarabangsa 2019*, Muzium Negeri Terengganu.
- USIM Cultural Centre. (2020) Pak Mazin pandai besi keris hebat Melayu,
<https://kebudayaan.usim.edu.my/pak-mazin-pandai-besi-keris-hebat-melayu/>
- Rayner Sylvester Yeo (2019). *Malaysia Kini: Bangsa Malaysia – Dahulu dan Sekarang*
- Siti Nor 'Ain bt Ibrahim. (2018). Kesan Peninggalan Jambatan Guillemard Terhadap Warisan Budaya Masyarakat Kelantan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Syafnidawaty (2020). Data Utama – Universiti Raharja, Tangerang Indonesia.
<https://raharja.ac.id/2020/11/08/data-primer/>



Digital Receipt

This receipt acknowledges that Turnitin received your paper. Below you will find the receipt information regarding your submission.

The first page of your submissions is displayed below.

Submission author: SITI NADHIRAH MOHD ZULKEPLY
Assignment title: BAB 1
Submission title: projek penyelidikan
File name: Nad_BAB_1_pdf.pdf
File size: 115.84K
Page count: 7
Word count: 998
Character count: 6,239
Submission date: 07-Jul-2021 04:04PM (UTC+0800)
Submission ID: 1616686861

PENDAHULUAN

1.0 Pengantar

Bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang, objektif kajian, permasalahan kajian, pencirian kajian dan scope kajian dalam penyediaan ini. Melalui kajian di dalam bab ini, pengaji akan dapat mengenalpasti permasalahan yang berlaku terhadap kerja serta dapat menentukan objektif kajian ini dijalankan. Selain itu, bab ini juga adalah untuk memaparkan kajian yang dilakukan tidak hanya dari segi awal dan memulakan pencarian maklumat.

1.1 Latar Belakang Kajian

Karya salah satu warisan bangsa yang harus diwarisi sebagai lambang ketamadunan bangsa melayu kerana ia menjadi bukti bahawa kita salah satu daripada orang Melayu sudah mendahului zaman. Selain itu, kita juga adalah warisan khas kebudayaan Nusantara dan juga Melayu. Oleh kerana itu, kita harus diwarisi orang di Riau, Sumatra, Jawa dan Bali sebagai peninggalan budaya mereka (Ji Mutha 2004). Geografi bersejarah awal, budaya kerja kemudian menyebar ke kawasan lain di Asia Tenggara, terutamanya yang mempunyai aset kebudayaan Melayu, seperti Malaysia, Brunei, Filipina Selatan, Singapura dan Thailand Selatan (Husky 1998).

NOW VIEWING: HOME > PROJEK PENYELIDIKAN 1

Welcome to your new class homepage! From the class homepage you can see all your assignments for your class, view additional assignment information, submit your work, and access feedback for your papers. X
Hover on any item in the class homepage for more information.

Class Homepage

This is your class homepage. To submit to an assignment click on the "Submit" button to the right of the assignment name. If the Submit button is grayed out, no submissions can be made to the assignment. If resubmissions are allowed the submit button will read "Resubmit" after you make your first submission to the assignment. To view the paper you have submitted, click the "View" button. Once the assignment's post date has passed, you will also be able to view the feedback left on your paper by clicking the "View" button.

Assignment Inbox: Projek Penyelidikan 1				
Assignment Title	Info	Dates	Similarity	Actions
BAB 1		Start 07-Jul-2021 12:02PM Due 14-Jul-2021 11:59PM Post 15-Jul-2021 12:00AM	21%	Resubmit View
BAB 2		Start 07-Jul-2021 12:07PM Due 14-Jul-2021 11:59PM Post 15-Jul-2021 12:00AM	21%	Resubmit View
BAB 3		Start 07-Jul-2021 12:08PM Due 14-Jul-2021 11:59PM Post 15-Jul-2021 12:00AM	24%	Resubmit View





Digital Receipt

This receipt acknowledges that Turnitin received your paper. Below you will find the receipt information regarding your submission.

The first page of your submissions is displayed below.

Submission author: SITI NADHIRAH MOHD ZULKEPLY
Assignment title: BAB 3
Submission title: projek penyelidikan bab 3
File name: NAD_Bab_3.pdf
File size: 99.78K
Page count: 9
Word count: 1,470
Character count: 9,486
Submission date: 07-Jul-2021 04:09PM (UTC+0800)
Submission ID: 1616687876



Copyright 2021 Turnitin. All rights reserved.

FTKWW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN